

Saya tahu luahan Dr. M dari hatinya – Siti Hasmah

UM 2 1 JUN 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN dan NOOR AZAM SHAIRI

KUALA LUMPUR 20 Jun – Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berkata, beliau begitu sedih mendengar luahan kekecewaan suaminya kerana gagal mengubah nasib dan pemikiran orang Melayu selepas 21 tahun memimpin UMNO dan negara.

Katanya, sebagai seorang isteri yang telah lama hidup bersama, beliau tahu apa yang diluahkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu ikhlas dari hatinya.

“Saya berasa sedih apabila dia meluahkan

perasaan kecewanya itu sebab saya tahu bagaimana dia berusaha untuk mengubah sikap dan paradigma orang Melayu,” katanya dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Dalam ucapan dasar Presiden itu, Dr. Mahathir menyuarakan kekecewaannya kerana gagal mengubah nasib dan pemikiran orang Melayu supaya berubah menjadi bangsa yang tangkas dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain.

Bagi Dr. Siti Hasmah, kritikan suaminya tidak dibuat sewenang-wenang sebaliknya selepas kajian teliti dengan mema-

kan masa yang panjang.

Sehubungan itu, beliau meminta semua orang Melayu supaya mengambil perhatian yang serius terhadap apa yang telah diperkatakan oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya itu.

“Kita renungkan apakah yang menyebabkan beliau kecewa,” katanya.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir turut meminta maaf kepada seluruh orang Melayu dan berharap cita-citanya mahu melihat perubahan itu akan dapat dipenuhi oleh para pemimpin lain pada masa akan datang.

■ Lihat muka 12

Saya tahu luahan Dr. M dari hatinya — Siti Hasmah

UM 2 1 JUN 2002

“Itu memang cara suami saya. Dia tidak segan-segan meminta ampun maaf kepada sesiapa yang dia rasa tersilap dan buat apa yang tak kena.

“Dia memang murah hati untuk meminta maaf dan saya harap orang ramai pun terimalah permohonan maaf dia,” kata Dr. Siti Hasmah.

Beliau percaya kekecewaan Dr. Mahathir itu bukan diluahkan kepada semua orang Melayu tetapi mereka yang tidak peka dengan keadaan sekeliling dan leka dengan kemewahan dan kesenangan yang dinikmati sekarang.

Dr. Siti Hasmah yang turut diminta me-

ngulas pandangan sesetengah pihak tentang nada ucapan Dr. Mahathir tahun ini sederhana dan lembut, berkata, beliau sendiri turut tertanya-tanya mengenai perkara itu.

“Agaknya dia dah puas bagi nasihat secara agresif, sekarang ini berlemah-lembut sikit,” katanya.